

Azizah mahu tebus kecewa di pentas dunia

Oleh SHANIKA ABDULLATIB
shanika.latib@kosmo.com.my

MESKIPUN masih kecewa selepas slot ke Sukan Olimpik 2012 di London dirampas atlet Vietnam, atlet angkat berat negara, Azizah Fadzil tidak pernah berputus asa dalam mencari ruang beraksi di pentas antarabangsa.


Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) itu bertekad untuk menebusnya pada Kejohanan Angkat Berat Dunia yang bakal berlangsung di Poland, Oktober depan.

"Jika diikutkan, jadual saya memang padat dengan kejohanan. Sebelum kejohanan dunia itu, saya akan menghadapi sekurang-kurangnya dua kejohanan utama iaitu Sukan Perpaduan Islam di Indonesia.

"Bagaimanapun, selepas penyertaan pada Sukan Perpaduan Islam belum mendapat sebarang lampaui hijau daripada Majlis Sukan Negara (MSN), buat masa ini, saya hanya menumpukan kepada kejohanan dunia," kata atlet berusia 22 tahun itu.

Azizah mengakui dia perlu mengatur jadual kejohanan dengan baik kerana kekurangan atlet pelapis dalam kategori 53 kilogram memaksa dia memilih kejohanan yang sesuai.

"Iktutkan hati, memang saya mahu menyertai semua kejohanan kerana dengan ca-



AZIZAH tidak pernah berputus asa dalam mencari ruang beraksi di pentas antarabangsa.

ra itu sahaja saya boleh mengukur pretasi saya.

"Namun, saya juga perlu kan jarak masa yang sesuai untuk memulihkan kembali kekuatan saya sebelum melakukan angkatan lain.

"Jika tidak, sudah pasti

angkatan saya akan terjejas untuk menghadapi kejohanan seterusnya dan saya sendiri, terdedah dengan risiko kecederaan," jelasnya yang mahu lebih ramai atlet pelapis melakukan angkatan lain.

Berbanding atlet Thailand

dan Indonesia, Azizah mengakui bahawa dia terasa penat bersaing dengan diri sendiri.

"Lihat pada skuad angkat berat Thailand. Mereka mampu meletakkan atlet mereka secara bergilir-gilir pada kejohanan yang berlangsung sepanjang tahun.

"Sistem itu membuatkan atlet mereka sentiasa berada dalam keadaan terbaik, sempat pulih daripada kejohanan sebelumnya dan paling penting, dapat menjalani latihan secukupnya dalam menghadapi saingan."

"Saya terpaksa memilih kejohanan dan sudah pasti, ada kerugian jika dia kejohanan utama berlangsung serentak," luahnya yang mencipta rekod kebangsaan dengan angkatan 79kg bagi acara *snatch* dan 97kg untuk *clean & jerk* pada Sukan SEA 2011 di Palembang, Indonesia.

Biarpun berdepan dengan pelbagai cabaran, Azizah yang memenangi dua emas dalam kategori 53kg, iaitu emas keempat buat kontinjen Pulau Pinang pada Sukma 2012 di Pahang bertekad untuk membawa pulang pingat pada Kejohanan Angkat Berat Dunia itu.

"Selagi saya masih menjalani rutin latihan termasuk di China dengan baik dan pemakanan yang teratur, saya pasti mampu menyumbang pingat," katanya.